

## **PENGUJIAN MODEL GAYA KEIBUBAAPAN BAUMRIND KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

(Testing Baumrind's Model of Parenting Styles on Academic  
Achievement among Secondary School Student)

*Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob*

### **ABSTRAK**

Baumrind (1966, 1967, 1991) secara konsisten menyifatkan prestasi tinggi akademik anak-anak berkorelasi positif dan signifikan dengan praktik gaya keibubapaan autoritatif berbanding permisif dan autoritarian. Artikel ini bertujuan menguji sejauhmana model Baumrind dapat diterima sebagai model asuhan yang deduktif dan universal seperti didakwa. Tiga objektif artikel ialah: (i) mengenal pasti jenis gaya keibubapaan, perbezaan dan tahap pengamalan, (ii) menguji kesignifikan perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik, dan (iii) menentukan pengaruh faktor sosio-demografi terpilih selaku 'confound variables' ke atas perhubungan gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik. Hasil tinjauan soal selidik secara rawak berkelompok ke atas sekumpulan 55 pelajar sekolah menengah mendapati ciri gaya keibubapaan paling dominan diterapkan ibu bapa adalah gaya autoritatif. Ujian Friedman selanjutnya mendapati pengamalan jenis gaya keibubapaan adalah berbeza secara signifikan ( $k < 0.05$ ) dengan hasil yang menunjukkan gaya autoritatif dipraktikkan di tahap tinggi sementara gaya autoritarian dan permisif di tahap sederhana dan rendah. Walau bagaimanapun pengujian korelasi sehala antara kesemua jenis gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik menunjukkan hasil yang tidak signifikan ( $k > 0.05$ ). Dapatan juga menunjukkan kesemua pembolehubah sosio demografi tidak berpengaruh secara signifikan ke atas perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik. Berdasarkan penemuan, kajian menolak penggunaan model Baumrind sebagai sebuah model asuhan yang deduktif dan sejagat sebaliknya dirumuskan bahawa tinggi atau rendah pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi jenis gaya keibubapaan yang diamalkan semata-mata. Kajian mengesyorkan supaya pengujian model Baumrind pada masa hadapan menggunakan pendekatan yang berbeza seperti model persamaan struktur (SEM) selain mengambil kira pengaruh elemen lain yang diabaikan seperti IQ, EQ dan persekitaran sekolah.

**Kata Kunci:** *Gaya keibubapaan, pencapaian akademik, model Baumrind, pelajar sekolah menengah*

### **ABSTRACT**

Baumrind (1966, 1967, 1991) has consistently emphasized that high academic achievement among students are positively and significantly correlated with the practice of authoritative parenting styles compared to authoritarian and permissive. This article questioned whether Baumrind's Model is credible to become as a deductive and universal model as claimed. Three objectives of this article are: (i) to identify the dominant type of parenting styles, it's differences and level of practices, (ii) to test the significance relationship between parenting styles and academic achievement, and (iii) to determine the influences of selected socio-demographic factors as confounded variables toward the relationship between parenting styles and academic

achievement. Using cluster sampling to a group of 55 secondary school students, research found that the most dominant style of parenting adopted by the parents was authoritative. Friedman test conformed the practices were significantly different ( $p < 0.05$ ) with results showing that authoritative styles tended to practice at high, while authoritarian and permissive at middle and low levels. Yet, the test of bivariate Pearson correlation between each parenting styles with academic achievement found no significant results ( $p > 0.05$ ). Selected socio economic factor also found no impact toward relationship between parenting styles and academic achievement. Based on research findings, Baumrind's model was rejected and concluded that high or low academic achievement cannot be predicted by Baumrind's typology per se. For future research, this article suggests the use of different approach for testing such as structural equation model (SEM) in addition to considering other elements like IQ, EQ and school environment.

**Keywords:** *Parenting styles, academic achievement, Baumrind model, Secondary school student*

## PENGENALAN

Ibu bapa menjadi sumber utama dan pertama dalam proses pembelajaran dan pembentukan keperibadian anak-anak. Sejak dari lahir sehingga ke peringkat autonomi diri yang semakin kompleks, cara didikan dalam persekitaran keluarga telah memberi kesan langsung dan berkekalan ke atas fungsi sosial dan moral kanak-kanak (Gadeyne, Ghesquiere & Onghena, 2004). Kemahiran gaya keibubapaan boleh dianggap sebagai modal sosial yang penting bagi pembangunan manusia dan penyelesaian krisis sosial berkaitannya. Ibu bapa yang dapat mengamalkan tingkah laku keibubapaan yang menekankan kawalan autonomi dengan sokongan dan penyertaan dalam aktiviti anak-anak berupaya membentuk fungsi keluarga yang memberangsangkan (Wang et al., 1999; Othman & Normalina, 2010; Dwairy et al., 2006). Dalam mengesyorkan gaya keibubapaan terbaik, Baumrind (1966) telah memperkenalkan model gaya keibubapaan yang dibahagikannya kepada tiga jenis iaitu gaya authoritarian, autoritatif dan permisif. Model ini telah dikembangkan Baumrind (1967, 1971, 1991) berdasarkan dapatan kajian yang konsisten terhadap keupayaan gaya keibubapaan meramal perkembangan psiko sosial kanak-kanak (Hetherington, 1983; Wang et al., 1999; Dwairy et al., 2006) serta kekompetenan instrumental, pencapaian akademik dan kawalan tingkah laku kanak-kanak (Weiss & Schwarz, 1996; Miller, Cowan & Hetherington 1993). Dua dimensi utama yang membezakan ketiga-tiga gaya keibubapaan menurut model Baumrind adalah variasi darjah intimasi dan tahap kawalan ibu bapa terhadap anak-anak yang digambarkan dalam istilah kebertanggungjawaban ibu bapa dan permintaan ibu bapa (*parental responsiveness and parental demandingness*) (Baumrind, 1991).

Secara ringkas, gaya keibubapaan authoritarian dicirikan oleh sikap ibubapa yang *high demandingness* tetapi *low responsiveness* di mana ibu bapa meletakkan jangkaan tinggi terhadap anak-anak dengan mempraktik pendekatan kawalan, hukuman dan peraturan ketat yang tidak membenarkan anak-anak mempersoalkannya. Sebaliknya, dalam gaya keibubapaan autoritatif, ibu bapa adalah *high demandingness* dan *high responsiveness* iaitu mengamalkan ketegasan yang diimbangi dengan kesediaan mendengar pandangan anak-anak, bertoleransi, setiakawan, membantu serta mendidik secara berpenglibatan. Dalam gaya keibubapaan permisif pula, ibu bapa dicirikan oleh sikap *high responsiveness* tetapi *low demandingness* iaitu bersikap terlalu berlembut (*lenient*), memenuhi kehendak anak-anak dan tidak tradisional dengan mengangap

anak-anak sebagai individu yang matang dan boleh menentukan diri sendiri sehingga tidak wujud tekanan, kawalan atau peraturan mengenai tingkah laku yang baik dan dilarang secara kukuh (Baumrind, 1991). Rohaty (1998) telah meringkaskan ketiga-tiga ciri gaya keibubapaan Baumrind ini dengan menyebutnya sebagai suatu keadaan di mana sesetengah ibu bapa bersifat suka mendenda, sementara yang lain suka kepada ciri-ciri demokratik dan berbincang, dan yang selebihnya pasif dengan tidak memilih apa-apa pendirian tentang perlakuan anak-anak.

Berpandukan model Baumrind, perbezaan dalam praktik gaya keibubapaan diujahkan memberi kesan ke atas pencapaian akademik anak-anak. Gaya keibubapaan yang disintesis telah memberi sumbangan positif ke atas proses pembelajaran dan pembentukan keperibadian tinggi anak-anak adalah gaya autoritatif sementara gaya permisif dan autoritarian dianggap condong membawa kesan pasif, kelonggaran dan tekanan yang menjejaskan prestasi akademik. Menurut Baumrind, kanak-kanak dan dewasa yang dibesarkan dalam keluarga autoritatif sentiasa meletakkan diri mereka dalam skala objektif pengukuran yang kompeten secara sosial dan instrumental berbanding yang bukan autoritatif sementara kanak-kanak yang ibu bapa mereka tidak terlibat (*uninvolved*) pula memperlihatkan kekompetenan rendah dalam semua domain (Baumrind, 1991; Weiss & Schwarz, 1996; Miller et al., 1993). Penggunaan model Baumrind sebagai model asuhan dan pendidikan keluarga yang berjaya khususnya dalam menerangkan pencapaian akademik anak-anak adalah amat meluas (Chan & Koo, 2010; Abar, Carter & Winsler, 2009; Williams, 2008; Assadi et al., 2007; Jeynes, 2007; Dwairy, 2006; Ang & Goh, 2006; Maglio, 2006; Hickman & Crossland, 2005; Weiss & Schawz, 1996; Slicker, 1996; Othman & Normalina, 2010; Aziyah, 2008; Norlizah, 2008; Ishak, 2004; Mohd Sharani & Zainal, 2005; Azizi Yahya, 2006; Ishak, 2004). Sebagai contoh, Jeynes (2007) telah merumuskan bahawa gaya keibubapaan berpenglibatan atau autoritatif berkorelasi positif dengan prestasi pelajar berdasarkan gred akademik, rekod disiplin dan tingkah laku di sekolah. Sementara Ang dan Goh (2006) pula menegaskan bahawa gaya keibubapaan paternal dan maternal (dominan bapa atau ibu) yang autoritatif memberi kesan positif ke atas skor akademik pelajar berbanding permisif dan autoritarian. Maglio (2006) selanjutnya menyimpulkan bahawa gaya keibubapaan yang berbeza telah menyebabkan purata markah kumulatif pelajar berbeza secara signifikan.

Bukti-bukti empirik yang induktif berdasarkan konsistensi hasil kajian awal menggunakan model Baumrind adalah melimpah ruah. Banyak kajian telah menyimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting dalam mempertingkatkan kejayaan anak-anak di sekolah sehingga setiap keluarga disarankan membentuk persekitaran rumah yang autoritatif (Steinberg et al., 1992; Jeynes, 2007; Jewrell, 2008; Radziszewska et al., 1996). Walaupun demikian, penerapan model gaya keibubapaan Baumrind secara deduktif dan sejagat masih bermasalah berdasarkan beberapa penemuan kajian yang mempertikaikan kredibiliti model ini terutama hasil kajian silang budaya dan masyarakat bukan barat (Levpusec & Zupancic, 2009; Baldwin, McIntyre & Hardaway, 2007; Elias & Yee, 2006; Chao & Sue, 1996). Misalnya kajian Elias dan Yee (2009) di Malaysia mendapati gaya keibubapaan paternal dan maternal berbentuk permisif, autoritarian dan autoritatif tidak berkorelasi positif dan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah. Kajian oleh Levpusec dan Zupancic (2009) di Slovenia pula mengatakan sokongan dan harapan tinggi keluarga telah memberi tekanan kepada pelajar sehingga menurunkan pencapaian akademik mereka di sekolah. Beberapa kajian lain yang meneliti praktik gaya keibubapaan dalam masyarakat silang budaya melibatkan kaum Cina (Chen, Dong & Zhou, 1977; Chao, 1994; Chao & Sue, 1996), masyarakat Korea dan Turki

(Rohner & Pettengill, 1985; Kagitcibasi, 2005), Cina dan Eropah-Amerika (Cohen & Rice, 1997) dan antara Cina Asia dan Australia (Leung, Lau & Lam, 1998) menunjukkan hasil yang bercanggah dengan model Baumrind apabila kepelbagaian gaya keibubapaan dalam masyarakat multi budaya tidak memberi kesan negatif ke atas pencapaian akademik anak-anak. Contohnya, gaya autoritarian lebih menonjol dalam masyarakat Cina berbanding Australia dan Eropah-Amerika tetapi pencapaian akademik anak-anak adalah positif bagi kesemua masyarakat berkenaan (Cohen & Rice, 1997; Leung, Lau & Lam 1998). Chao dan Sue (1996) turut mencabar tipologi Baumrind dengan membawa pendekatan Konfusian sebagai alternatif. Beberapa penemuan kajian silang budaya berkenaan menunjukkan bahawa faktor logik budaya dan etnik tidak diambilkira sebaik-baiknya dalam model Baumrind. Percanggahan dalam banyak kajian lepas menyebabkan hipotesis Baumrind yang menyarankan gaya keibubapaan autoritatif sebagai model ikutan sejagat ialah sesuatu yang relatif terhadap praktik kekeluargaan dan penyelidikan saintifik.

Artikel ini berusaha menganalisis sejauhmana model gaya keibubapaan Baumrind berupaya dihubungkan dengan pencapaian akademik pelajar di salah sebuah sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini penting kerana kajian-kajian awal terhadap aplikasi model Baumrind agak tertumpu kepada pelajar sekolah rendah, pelajar tingkatan empat dan ke bawah, kanak-kanak khas, kelompok remaja luar bandar dan ibu bapa (Elias & Yee, 2006; Azizi Yahya, 2005; Azizi Yahya, Shahrin et al., 2008; Aziyah, 2008; Azlina, 2007), sedangkan dalam proses perkembangan manusia, corak didikan dan lokus kawalan keluarga ke atas anak adalah berbeza-beza menurut tahap perkembangan sosial dan fizikalnya. Model Baumrind serta kajian-kajian awal juga tidak memberi tumpuan ke arah memahami kesan faktor-faktor sosio demografi dan ekonomi keluarga terhadap praktik gaya keibubapaan dan pencapaian akademik yang turut diberi penekanan dalam kajian.

Selaras dengan penekanan kajian, artikel ini membahaskan tiga persoalan iaitu: (i) apakah jenis gaya keibubapaan yang paling dominan dan di tahap manakah ianya diamalkan oleh ibu bapa dalam kalangan pelajar yang dikaji? (ii) adakah terdapat perhubungan signifikan antara jenis-jenis gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik pelajar seperti di dakwa Baumrind? dan (iii) adakah perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh latar belakang sosio demografi keluarga seperti aras pendapatan, bilangan anak, tahap pendidikan dan jantina pelajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data yang digunakan dalam penulisan artikel ini diperolehi dari satu tinjauan persampelan secara rawak berkelompok ke atas semua pelajar tingkatan enam atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau Panjang (SMKRP), Kelantan, sesi pengajian 2010. Berdasarkan statistik pihak sekolah terdapat 59 pelajar tingkatan enam atas dengan taburan 21 pelajar dari aliran ekonomi (kelas 6A1), 17 pelajar aliran sastera (kelas 6A2) dan 21 pelajar dari aliran seni (kelas 6A3). Kegiatan persampelan telah dijalankan ke atas semua pelajar dalam setiap kelompok kelas berkenaan pada 12 Mac 2010. Walau bagaimanapun hanya sejumlah 55 pelajar berjaya disampelkan kerana masing-masing dua pelajar tidak hadir ke sekolah dan dua lagi sedang menjalani kegiatan ko-kurikulum di luar sekolah. Pengkaji telah membangunkan satu set borang soalselidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu: (i) latar belakang sosio demografi pelajar seperti jantina, bilangan adik beradik, penjaga, umur ibu bapa dan pendapatan, (ii) gaya

keibubapaan yang diterapkan keluarga, dan (iii) pencapaian akademik pelajar (keputusan peperiksaan percubaan STPM). Terdapat sejumlah 30 indikator dibentuk bagi mengukur ciri-ciri gaya keibubapaan berasaskan model Baumrind. Dari jumlah berkenaan, masing-masing sejumlah 10 indikator mewakili gaya autoritatif, autoritarian dan permisif. Skala pengukuran data bagi gaya keibubapaan adalah menggunakan Skala Likert 5 peringkat yang diwakili oleh 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju), sementara data bagi maklumat sosio demografi dan pencapaian akademik diukur menggunakan data nisbah dan sela menurut kesesuaian. Bagi data pencapaian akademik, nilai yang dirujuk adalah markah Purata Nilai Gred Kumulatif (CPGA) keseluruhan subjek yang diambil pelajar dalam peperiksaan percubaan STPM. CGPA diperolehi dengan meminta pelajar menyatakan nilai berkenaan sementara ketepatan CGPA yang disemak melalui rekod sekolah bagi pelajar berkaitan. CGPA adalah nilai yang diperolehi berdasarkan campuran keseluruhan Nilai Mata Gred (NMG) subjek yang diambil dan dibahagi dengan jumlah subjek diambil ( $CGPA = \frac{\sum NMG^{\text{Subjek}}}{\sum \text{Subjek}}$ ). NMG yang ditetapkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah 4.00 mewakili Gred A, 3.67 (A-), 3.33 (B+), 3.00 (B), 2.67 (B-), 2.33 (C+), 2.00 (C), 1.67 (C-), 1.33 (D+), 1.00 (D) dan 0.00 (F) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2011).

Para pelajar telah diberi sesi penerangan selama lima minit bagi menjawab soalan-soalan dalam kertas soal selidik. Pelajar tidak diberi pengetahuan awal mengenai jenis-jenis gaya keibubapaan serta ciri-cirinya seperti bentuk kawalan, kesetiakawanan, penegasan, denda, pemihakan dan lain-lain bertujuan meminimakan bias akibat tendensi pelajar meletakkan diri dalam gaya kepimpinan yang disukai. Ujian kebolehpercayaan soal selidik ke atas kesemua 30 indikator yang mengukur gaya keibubapaan telah dijalankan melalui perisian *Statistical Package For Social Science Versian 16.0* (SPSS16.0) menggunakan metod alfa *Cronbach* ( $\alpha$ ) dengan nilai kebolehpercayaan 0.827. Nilai ini dianggap baik dan mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi (George, 2003; Bland & Altman, 1997).

Empat hipotesis utama yang diuji dalam kajian ini telah diringkaskan dalam Jadual 1. Pembentukan hipotesis nol dan alternatif 1, 2 dan 3 (disimbolkan oleh  $H_0$  dan  $H_A$ ), adalah berpandukan saranan model Baumrind sementara hipotesis 4 adalah hipotesis bebas yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji.

Jadual 1: Ringkasan Hipotesis Ujian

<i>Pernyataan Hipotesis</i>
$H_{01}$ : Tidak terdapat korelasi yang signifikan (positif) antara gaya autoritatif dengan pencapaian akademik ( $p=0$ ).
$H_{A1}$ : Terdapat korelasi yang signifikan (positif) antara gaya permisif dengan pencapaian ( $p \neq 0$ ).
$H_{02}$ : Tidak terdapat korelasi yang signifikan (negatif) antara gaya permisif dengan pencapaian akademik ( $p = 0$ )
$H_{A2}$ : Terdapat korelasi yang signifikan (negatif) antara gaya permisif dengan pencapaian ( $p \neq 0$ )
$H_{03}$ : Tidak terdapat korelasi yang signifikan antara gaya autoritarian dengan pencapaian akademik ( $p = 0$ )
$H_{A3}$ : Terdapat korelasi yang signifikan antara gaya autoritarian dengan pencapaian akademik ( $p \neq 0$ )

- H<sub>04</sub>: Faktor-faktor sosio demografi terpilih keluarga (pendapatan, bilangan adik beradik, status penjaga dan jantina) tidak mempengaruhi kesignifikan perhubungan antara gaya keibubapaan dan pencapaian akademik ( $p = 0$ ).
- H<sub>04</sub>: Faktor-faktor sosio demografi terpilih keluarga mempengaruhi kesignifikan perhubungan antara gaya keibubapaan dan pencapaian akademik ( $p \neq 0$ ).
- 

Ujian taburan kenormalan data (gaya autoritatif, permisif dan autoritarian) melalui kaedah histogram seperti dicadangkan Park (2009) telah dijalankan melalui SPSS dan hasil menunjukkan kesemua data memenuhi syarat taburan normal. Kaedah analisis deskriptif mudah dan analisis Friedman telah digunakan bagi menerangkan perbezaan jenis-jenis amalan gaya keibubapaan yang diamalkan ibu bapa sementara bagi pengujian hipotesis nol 1, 2 dan 3 pula, analisis menggunakan kaedah korelasi *Pearson* sehalu (*non directional*). Metod *non directional* digunakan apabila seseorang pengkaji tidak mahu menetapkan kawasan penolakan yang khusus bagi data yang diuji (Freund, 1984). Ia dipilih bersesuaian dengan percanggahan literatur mengenai ketekalan model Baumrind seperti dibahaskan di awal artikel. Kekuatan korelasi yang diperolehi dari hasil ujian ditafsir berdasarkan *rule of thumb* oleh Hinkle, Wiersma dan Jurs (1979) di mana nilai pekali korelasi antara .01-.03 adalah dianggap lemah, .03-.05 sebagai rendah, .05-.07 sebagai sederhana, .07-.09 sebagai tinggi dan .09-1.00 sebagai korelasi yang tinggi (Kotrlík & Williams, 2003).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Secara ringkas, daripada 55 pelajar yang telah disampelkan, 38.2 peratus adalah dari aliran pendidikan ekonomi (kelas 6A1), 27.3 peratus dari aliran sastera (kelas 6A2) dan 34.5 peratus dari aliran pendidikan seni (kelas 6A3). Sejumlah 85.5 peratus pelajar tinggal dengan kedua-dua ibu bapa mereka, 9.1 peratus tinggal dengan ibu dan 5.5 peratus dengan bapa. Purata aras pendapatan keluarga pelajar yang dikaji adalah RM900.00 sebulan. Walau bagaimanapun tingkat ketaksamaan pendapatan bulanan keluarga adalah tinggi dengan nilai maksimum RM6,000.00, minimum RM450.00, mod RM500.00 dan sisihan piawai RM844.124. Sejumlah besar iaitu 80.0 peratus pelajar termasuk dalam keluarga berpendapatan rendah di bawah RM1000 sebulan. Dari segi pencapaian akademik berasaskan Purata Nilai Gred Kumulatif, data menunjukkan nilai terkecil Purata Nilai Gred Kumulatif ialah 1.08 sementara maksimum adalah 3.50.

### Praktik Gaya Keibubapaan

Jadual 2 menunjukkan tiga jenis gaya keibubapaan yang diterapkan keluarga ke atas responden kajian. Berdasarkan analisis deskriptif melalui kaedah penggabungan (*computation*) sub indikator bagi setiap konstruk gaya keibubapaan, skor purata tertinggi yang dicapai adalah bagi gaya keibubapaan autoritatif (49.60), disusuli oleh gaya autoritarian (31.40) dan permisif (20.32). Dapatan ini secara deskriptifnya menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif adalah lebih menonjol. Hasil ujian Friedman telah mengesahkan lagi bahawa jenis gaya keibubapaan yang diterapkan keluarga ke atas pelajar yang dikaji adalah berbeza secara signifikan [ $\chi^2 (2, N=55) = 100.473, k < 0.05$ ] dengan skor pangkatan gaya autoritatif lebih tinggi (2.98) berbanding authoritarian (1.95) dan permisif (1.09).

Jadual 2: Keputusan statistik deskriptif dan ujian Friedman bagi gaya keibubapaan yang diterapkan ibu bapa ke atas pelajar (N=55)

Gaya Keibubapaan	Deskriptif				Rank Purata	Ujian Friedman
	Sub item	Jumlah Skor	Sisihan Piawai	Purata Skor		
Autoritatif	10	2726.00	6.53	49.60	2.98	df=2, N=55, $\chi^2=100.473$ Asymp. Sig=000*
Permisif	10	1118.00	5.05	20.32	1.09	
Autoritarian	10	1727.00	5.41	31.40	1.95	

\* signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif adalah paling dominan diterapkan ibu bapa dalam kalangan subjek kajian. Penemuan ini selaras dengan dapatan beberapa pengkaji awal seperti Azizi (2005), Othman dan Normalina (2010) dan Enggen dan Kauchak (1994) yang menyimpulkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif adalah gaya paling popular diterapkan ibu bapa disebabkan keupayaannya dalam membina kecemerlangan sahsiah, akademik dan keyakinan diri anak. Sebagai contoh Azizi (2005) mendapati 50.0 peratus ibu bapa dari sejumlah 216 pelajar yang dikaji menerapkan gaya keibubapaan autoritatif berbanding permisif (26.9 peratus), authoritarian (13.9 peratus) dan gaya kecuai (8.3 peratus). Kajian oleh Kazmi et al. (2011) di Pakistan turut menyokong dapatan ini apabila menegaskan terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan keluarga yang diterapkan dalam masyarakat Khyber Phyktun dengan majoriti sampel keluarga pelajar mempraktik gaya autoritatif.

Kedominan gaya keibubapaan autoritatif berbanding gaya autoritarian dan permisif dalam kajian ini memperlihatkan bahawa ibu bapa pelajar yang dikaji cenderung mendidik anak-anak mereka dengan menerapkan 10 ciri gaya keibubapaan yang menekankan *high responsiveness* dan *high demandingness* dalam aspek berkaitan pendidikan seperti yang dikaji, antaranya ciri-ciri tegas tetapi prihatin, kerap berkomunikasi, meluangkan banyak masa, memberi dorongan dan pertolongan, bertanya mengenai hal akademik dan tidak menysisihkan anak. Keadaan ini menunjukkan bahawa usia anak-anak yang semakin meningkat remaja bukan penghalang kepada ibu bapa untuk bersikap autoritatif. Dalam Jadual 3, pemecahan skor purata kepada tiga skala atau tahap mendapati pengamalan gaya keibubapaan autoritatif di atas bukan sahaja dominan dari segi pilihan ibu bapa tetapi juga dari segi tahap penerapan nilai-nilai positif berkenaan. Berdasarkan jadual, sejumlah 50.9 peratus pelajar dapat dikelaskan dalam kumpulan keluarga yang mempraktik gaya keibubapaan autoritatif (*high responsiveness, high demandingness*) di tahap tinggi, 43.6 peratus pada tahap sederhana dan hanya 5.5 peratus pada tahap rendah. Ibu bapa yang mempraktik gaya permisif (*high responsiveness, low demandingness*) dan authoritarian (*high demandingness, low responsiveness*) pula cenderung mengamalkannya pada tahap sederhana dan rendah menunjukkan masih terdapat sedikit ‘kawal selia’ di sebalik kelonggaran atau ‘fleksibiliti’ di sebalik ketegasan yang ditunjukkan.

Jadual 3: Tahap penerapan gaya keibubapaan (N=55)

Gaya Kepimpinan	Taburan pelajar berdasarkan skor purata menurut skala (peratus)		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Autoritatif	5.5	43.6	50.9
Permisif	30.9	52.7	16.4
Autoritarian	25.5	50.9	23.6

Secara keseluruhan, tret asuhan seperti ditemui dalam Jadual 3.0 memperlihatkan kedominan sesuatu gaya keibubapaan yang diamalkan. Ibu bapa yang autoritatif dilihat cenderung bersikap benar-benar autoritatif sementara ibu bapa yang permisif dan autoritarian pula cenderung bersikap sederhana dan rendah. Dapatan ini konsisten dengan pendapat Hoeve et al. (2009) yang merumuskan bahawa seseorang ibu bapa yang bersikap autoritarian tidak bermakna mereka telah meninggalkan sepenuhnya ciri-ciri permisif dan 'kelembutan'. Baumrind sendiri telah menyifatkan pertalian gaya-gaya keibubapaan ini sebagai satu kontinum di mana autoritarian dan permisif dianggap sebagai dua titik utama dengan gaya autoritatif berada di tengah-tengah (Baumrind, 1991).

#### **Pengaruh Gaya Keibubapaan Ke Atas Pencapaian Akademik**

Hasil ujian ke atas hipotesis nol 1, 2 dan 3 seperti diringkaskan dalam Jadual 4 mendapati kesemua gaya keibubapaan tidak mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan keputusan ujian ini, kesemua hipotesis nol 1, 2 dan 3 gagal ditolak dan dirumuskan bahawa hipotesis alternatif perlu diterima (autoritatif,  $r=0.020$ ,  $k>0.05$ , permisif  $r=-0.210$ ,  $k>0.05$ , autoritarian  $r=0.036$ ,  $k>0.05$ ).

Jadual 4 : Kolerasi gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik (N=55)

Gaya Kepimpinan	Korelasi ( $r$ )	Kesignifikan ( $k$ ) <b>0.05</b>	Hipotesis diuji	Keputusan
Autoritatif	0.020	0.885	$H_{01}: p = 0$ $H_{A1}: p \neq 0$	Gagal Menolak $H_{01}$
Permisif	-0.210	0.124	$H_{02}: p = 0$ $H_{A2}: p \neq 0$	Gagal Menolak $H_{02}$
Autoritarian	0.036	0.792	$H_{03}: p = 0$ $H_{A3}: p \neq 0$	Gagal Menolak $H_{03}$

Berdasarkan dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa kesemua nilai-nilai skor bagi ciri gaya keibubapaan yang diamalkan ibu bapa ke atas anak sama ada autoritatif, permisif atau autoritarian tidak berhubung secara signifikan dengan pencapaian akademik (CGPA). Perhubungan yang wujud, sekalipun ada boleh disifatkan pada skala yang sangat lemah dan rendah (Hinkle, Wiersma & Jurs, 1998). Dapatan ini menunjukkan bahawa berjaya atau gagal nya akademik pelajar bukan disebabkan gaya keibubapaan yang diamalkan semata-mata tetapi dipengaruhi oleh pembolehubah-pembolehubah lain yang tidak diteliti seperti tingkat kebijakan (IQ), kestabilan emosi (EQ), genetik, kualiti diri dan daya tindak individu, personaliti pelajar, peranan dan keberkesanan pengajaran guru serta pengaruh rakan sebaya.



Penemuan kajian ini tidak selaras dengan hasil kajian beberapa penyelidikan awal dalam dan luar negara seperti telah dibincangkan (lihat Chan & Koo, 2010; Abar et al., 2009; Williams, 2008; Assadi et al., 2007; Jeynes, 2007; Dwairy et al, 2006; Ang & Goh, 2006; Maglio, 2006; Hickman & Crossland, 2005; Weiss & Schawz, 1996; Slicker, 1996; Othman & Normalina, 2010; Azyiah, 2008; Norlizah, 2008; Ishak, 2004; Mohd Sharani & Zainal, 2005; Azizi Yahya, 2006; Ishak, 2004). Misalnya di peringkat dalam negara, kajian Mohd Sharani dan Zainal (2005) telah merumuskan gaya kepimpinan autoritatif adalah signifikan kepada pencapaian pelajaran kanak-kanak berdasarkan sifat-sifat gaya keibubapaan yang menekankan interaksi positif seperti penghargaan dan sendiri. Sementara Azizi (2006) merumuskan gaya keibubapaan permisif mendorong pencapaian yang merosot disebabkan faktor corak komunikasi yang terbuka dan sikap ibu bapa yang kurang menekankan tingkah laku terkawal ke atas anak. Ishak Yahya (2004) pula menyatakan konsep sendiri dan pencapaian akademik remaja dipengaruhi secara signifikan oleh peranan ibu bapa selaku moderator dengan pencapaian lebih baik dalam gaya autoritatif. Di peringkat luar negara, Weiss dan Schwarz (1996) menyatakan menerusi pelbagai kajian kualitatif dan kuantitatif, kanak-kanak dan remaja dengan didikan keluarga autoritatif lebih cenderung memperoleh skala pengukuran tinggi bagi kekompetenan sosial dan instrumental berbanding yang bukan autoritatif. Penyelidik lain seperti Hickman et al. (2000), Radzisevska et al. (1996), Steinberg et al. (1989), Chan dan Koo (2010), Williams (2008), Jeynes (2007), Ang (2006), Maglio (2006) dan Slicker (1996) pula telah merumuskan bahawa gaya keibubapaan autoritatif memberi kesan yang positif ke atas prestasi akademik pelajar serta aspek-aspek lain berkaitan sahsiah dan perlakuan kanak-kanak berbanding gaya *indulgent* (permisif) dan autoritarian yang bertendensi menyumbang hasil yang negatif. Perbezaan dapatan kajian ini berbanding beberapa kajian awal adalah disebabkan kajian-kajian awal yang memfokus kepada pelajar sekolah rendah berbanding menengah yang mempunyai lokus kawalan diri dan sosial yang lebih luas atau bebas.

Berdasarkan keputusan ujian ini, dapat disimpulkan bahawa model gaya keibubapaan Baumrind yang menyarankan bahawa gaya autoritatif dapat meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mempunyai aras ketepatan yang kurang jitu sebagai pembolehubah peramal dalam kes data kajian. Justeru itu, pandangan beberapa sarjana yang menganggap model ini sebagai model tipikal barat yang tidak semestinya berhasil dalam masyarakat multi budaya dan etnik dapat disokong.

### **Pengaruh Faktor Sosio Demografi Sebagai *Confound Variables***

Dalam model Baumrind, elemen-elemen sosio demografi dan latar belakang sosio ekonomi keluarga tidak ditekankan sebagai penentu yang mempengaruhi perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik pelajar. Dalam Jadual 5, ujian-t telah dijalankan bagi melihat kesan faktor-faktor jantina, pendapatan keluarga (*cut point* RM1000), pemilikan bilik sendiri, pemilikan komputer dan Internet ke atas ke atas jenis gaya keibubapaan dan pencapaian akademik (CGPA).

Jadual 5: Keputusan ujian -T perbezaan gaya keibubapaan dan pencapaian akademik berdasarkan pembolehubah sosio demografi terpilih

Faktor sosio demografi	Gaya keibubapaan ( <i>k, sig</i> pada aras $\alpha = 0.05$ )			Pencapaian akademik
	Autoritatif	Autoritarian	Permisif	
Jantina	.681	.412	.397	.040*
Pendapatan keluarga	.195	.006*	.985	.849
Bilik Sendiri	.376	.199	.118	.050*
Pemilikan komputer	.304	.410	.754	.845
Internet	.677	.544	.435	.653

\* Perbezaan adalah signifikan pada aras keertian 0.05

Secara ringkas, keputusan ujian dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa amalan gaya keibubapaan yang diterapkan keluarga ke atas anak adalah tidak berbeza secara signifikan berdasarkan jantina. Walaupun begitu, pencapaian akademik anak perempuan adalah lebih baik dan berbeza secara signifikan dengan anak lelaki. Gaya keibubapaan yang diterapkan keluarga juga tidak berbeza berdasarkan aras pendapatan keluarga (kecuali bagi gaya autoritarian di mana keluarga berpendapatan melebihi RM1000 lebih condong bersikap autoritarian berbanding keluarga berpendapatan di bawah RM1000). Walaupun demikian pencapaian anak-anak adalah tidak berbeza secara signifikan disebabkan oleh aras pendapatan keluarga berkenaan. Selain itu, anak-anak yang mempunyai bilik sendiri mempunyai pencapaian yang lebih baik dan berbeza secara signifikan dengan pelajar yang tidak mempunyai bilik sendiri tanpa mengira pendekatan gaya keibubapaan yang diterapkan keluarga mereka. Dalam Jadual 6, analisis lanjut melalui tiga ujian korelasi sehalu yang dijalankan berdasarkan ciri kumpulan responden yang khusus iaitu jantina, pendapatan dan pemilikan bilik menunjukkan kesemua gaya keibubapaan adalah tidak berhubung secara signifikan dengan pencapaian akademik pelajar iaitu probabiliti signifikan melebihi 0.05 ( $k > 0.05$ ).

Jadual 6: Keputusan ujian korelasi sehalu bagi gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik berasaskan kumpulan sosio demografi (aras signifikansi,  $\alpha=0.05$ )

Pembolehubah sosio demografi		Autoritatif ( <i>k, sig</i> )	Autoritarian ( <i>k, sig</i> )	Permisif ( <i>k, sig</i> )
Jantina	1 = lelaki (n, 20)	.518	.312	.761
	2 = Perempuan (n,35)	.607	.107	.835
Pendapatan	1= <RM1000 (n, 45)	.485	.789	.060
	2= >RM1000 (n, 10)	.229	.968	.558
Ada bilik	1 = ada (n, 41)	.590	.452	.168
	2 = tiada (n, 14)	.836	.638	.580

Berdasarkan keputusan ujian berkenaan, hipotesis nol 4 gagal ditolak dan dirumuskan bahawa faktor-faktor sosio-demografi yang diteliti tidak memberi kesan ke atas perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan hasil pengujian, artikel ini merumuskan bahawa data yang diperolehi tidak cukup kuat untuk membuktikan wujudnya kesepadanan hubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik seperti disarankan Baumrind. Dari sudut penyelidikan saintifik, pengujian yang dijalankan telah menolak hipotesis model Baumrind. Rumusan yang dapat dibuat ialah bahawa ibu bapa yang mempraktik gaya keibubapaan autoritatif tidak semestinya dapat mengesahkan kejayaan akademik yang cemerlang khususnya di peringkat remaja akhir yang dikaji, begitu juga pemilihan gaya keibubapaan bersifat autoritarian dan permisif tidak semestinya menyebabkan anak berjaya atau gagal secara signifikan. Oleh itu, adalah penting disarankan bahawa ibu bapa seharusnya mempraktikkan gaya keibubapaan yang bersesuaian seperti pendekatan campuran terhadap anak-anak berdasarkan tahap perkembangan umur tertentu. Ini kerana terdapat keadaan di mana ibu bapa perlu bersikap tegas, memberi tekanan dan mengawal anak-anak mereka sementara pada waktu-waktu yang lain memberi kelonggaran dan mengamalkan gaya bersifat kemesraan.

Di sisi penyelidikan saintifik, dapatan kajian yang tidak signifikan menimbulkan satu persoalan yang menarik untuk diteliti lebih lanjut iaitu persoalan mengenai apakah punca sebenar para pelajar di usia remaja akhir ini gagal mendapat pencapaian tinggi sejajar dengan praktik gaya keibubapaan yang diamalkan keluarga? Bagi ibu bapa, ia sesuatu yang mengecewakan apabila mereka mendapati anak-anak masih lagi gagal mendapat prestasi baik sedangkan mereka telah sedaya upaya bersikap autoritatif seperti disarankan Baumrind. Kekecewaan ini tidak harus dilihat dalam konteks gaya asuhan ibu bapa sahaja sebaliknya memerlukan penyemakan ke atas aspek kualiti diri pelajar seperti tahap IQ, EQ, personaliti, tingkat motivasi, minat, kesihatan diri dan pengaruh persekitaran yang lebih luas seperti rakan sebaya, sekolah dan masyarakat itu sendiri.

Berdasarkan kelemahan model Baumrind dalam meramal pencapaian akademik pelajar remaja akhir, artikel ini mengesyorkan supaya model ini diperbaiki dengan mengambil kira faktor-faktor kualiti diri pelajar dan pengaruh persekitaran yang dinyatakan. Dengan mengambil kira pengaruh kualiti diri pelajar dan pengaruh persekitaran, berkemungkinan hasil yang lebih baik dapat ditemui. Misalnya gaya keibubapaan autoritatif hanya boleh memberi kesan positif dan maksimum ke atas pencapaian akademik pelajar remaja akhir ini setelah diambil kira tahap IQ, EQ, kualiti guru dan persekitaran masyarakat. Selain itu, penyelidik akan datang adalah disarankan supaya menggunakan metodologi dan kaedah analisis baru yang lebih baik seperti penggunaan persamaan permodelan melalui teknik AMOS 5.0 selain melaksanakan kajian silang budaya dan meningkatkan saiz sampel ke tahap lebih besar. Keadaan ini penting bagi memastikan model Baumrind dapat diterima atau ditolak sebagai sebuah pendekatan kekeluargaan yang berorientasikan pencapaian cemerlang.

## RUJUKAN

- Abar, B., Carter, K. L. & Winsler, A. 2009. The effects of maternal parenting style and Adolescents. *American Journal of Orthopsychiatry*, 76 (4), 503–511.
- Ang, R.P. & Goh, D.H. 2006. Authoritarian Parenting Style in Asian Societies: A Cluster-Analytic Investigation. *Contemporary Family Therapy*, 28(1), 131- 151.
- Assadi, S., Zokaei, N., Kaviani, H., Mohammadi, M., Ghaeli, P., Gohari, M. & Van De Vijver, F. 2007. Effect of Socio-cultural Context and Parenting Style on Scholastic Achievement Among Iranian Adolescents. *Social Development*, 16(1), 169–180.
- Aziyah Binti Abu Bakar. 2008. *Hubungan Pola Komunikasi Keluarga Dengan Gaya Keibubapaan Dan Kejelekitan Dalam Keluarga*. Selangor. Tesis Master (tidak terbit), Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Mohd Fadzli Abu Bakar. 2008. *Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkah Laku Positif di Kalangan Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Azizi Yahaya. 2005. *Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian pelajar*. Akses atas talian pada 30 Oktober 2011 di [http://eprints.utm.my/2332/2/AziziYahaya\\_Hubungan\\_Konsep\\_Kendiri,\\_motivasi\\_dan\\_gaya.pdf](http://eprints.utm.my/2332/2/AziziYahaya_Hubungan_Konsep_Kendiri,_motivasi_dan_gaya.pdf).
- Azlina, A. M, Raja Zirwatul Aida & Siti Aisyah Saat. 2007. *Kebimbangan akademik dan kerjaya serta hubungan kekeluargaan: satu tinjauan terhadap golongan remaja di luar bandar*. Tesis (tidak terbit), Universiti Malaysia Terengganu.
- Baldwin, D. R., McIntyre, A. & Hardaway, E. 2007. Perceived parenting styles on college students' optimism. *Journal of College Student*, 41, 550-557.
- Baumrind, D. 1991. The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal Of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- Baumrind, D. 1966. Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37, 887-907.
- Baumrind, D. 1967. Child care practices anteceding three patterns of preschool behavior. *Genetic Psychology Monographs*, 75, 43-88.
- Bland J.M. & Altman, D.G. 1997. *Statistics notes: Cronbach's alpha*. Akses atas talian, 30 Oktober 2011 di <http://www.bmj.com/content/314/7080/572.full>
- Chan, T. W. & Koo, A. 2010. Parenting Style and Youth Outcomes in the UK. *European Sociological Review*, 26 (5).

- Chao, R. K. & Sue, S. 1996. Chinese parental influence and their children's school success: A paradox in literature on parenting styles. In S. Lau (Ed.), *Growing up the Chinese way* (pp. 93-120). Hong Kong: Chinese University Press.
- Chao, R. K. 1994. Beyond parental control and authoritarian parenting style: Understanding Chinese parenting through the cultural notion of training. *Child Development*, 65, 1111-1119.
- Chen, X., Dong, Q. & Zhou, H. 1997. Authoritative and authoritarian parenting practices and social and school performance in Chinese children. *International Journal of Behavioral Development*, 21, 855-873.
- Dwairy, M., Achoui, M., Abouserie, R., Farah, A., Ghazali, I., Fayad, M. & Khan, H.K. 2006. Parenting Styles In Arab Societies: A First Cross-Regional Research Study. *Journal of Cross Cultural Psychology*, 37 (3), 1-18.
- Elias, H. & Yee, T. H. 2009. Relationship between Perceived Paternal and Maternal Parenting Styles and Student Academic Achievement in Selected Secondary Schools. *European Journal of Social Sciences*, 9(2). Akses atas talian, 30 Oktober 2011 di [http://www.eurojournals.com/ejss\\_9\\_2\\_01.pdf](http://www.eurojournals.com/ejss_9_2_01.pdf)
- Freund, J.E. 1984. *Modern Elementary Statistics*, sixth edition. Prentice hall.
- Gadeyne, E., Ghesquiere, P. & Onghena, P. 2004. Longitudinal relations between parenting and child adjustment in young children. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 22, 347-358.
- George, D. & Mallery, P. 2003. *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference. 11.0 update (4th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hetherington, E.M. (Ed.) 1983. *Mussen manual of child psychology* (Vol. 4, 4th ed.). New York: John Wiley.
- Hickman, G. & Crossland, G. 2005. *The Predictive Nature of Humor, Authoritative Parenting Style, and Academic Achievement on Indices of Initial Adjustment and Commitment to College among College Freshmen*. Akses atas talian, 24 Oktober 2011 di <http://baywoodmetapress.com/app/home/contribution.asp?>
- Hinkle, D. E., Wiersma, W. & Jurs, S.G. 1979. *Applied statistics for the behavioral sciences*. Chicago: Rand McNally College Publishing.
- Hoeve, M., Dubas, J., Eichelsheim, V., Laan, P., Smeenk, W. & Gerris, J. 2009. The Relationship Between Parenting and Delinquency: A Meta-analysis. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 37, 749-775.
- Park, Hun Myoung. 2008. *Univariate Analysis and Normality Test Using SAS, Stata, and SPSS*. Working Paper. The University Information Technology Services (UITSS) Center for

Statistical and Mathematical Computing, Indiana University. Akses atas talian, 29 Oktober 2011 di <http://www.indiana.edu/~statmath/stat/all/normality/index.html>

- Ishak Mad Shah. 2004. *Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator*. Tesis tidak terbit. Johor Bharu, UTM.
- Ishak Mad Shah. 2004. *Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator*. Johor Bharu, UTM.
- Jewrell, R. 2008. *Relationship between parenting style and academic achievement and the mediating influences of motivation, goal-orientation and academic efficacy*. Akses atas talian, 28 Oktober 2011 di ProQuest Digital Dissertations. ( AAT 3340755).
- Jeynes, W. H. 2005. Parental Involvement and Student Achievement: A Meta-Analysis. *Urban Education*, 42 (1), 82-110. Akses atas talian 29 Oktober 2011 di <http://www.hfrp.org/publications-resources/browse-ourpublications/parental>
- Jeynes, W. H. 2007. The Relationship Between parental involvement and urban secondary school student academic achievement: A meta-analysis. *Urban Education*, 42 (1), 82-110.
- Joshi, A., Ferris, C., Otto, L. & Regan, C. 2003. Parenting styles and academic achievement in college students. *Psychological Reports*, 93 (1), 823-828.
- Kagitcibasi, C. 2005. Autonomy and relatedness in cultural context: Implications for self and family. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 36, 1-20.
- Kazmi, S.F, Sajjid, M. & Pervez, T. 2011. Parental Style And Academic Achievement Among The Students. *International Journal Of Academic Research* , 3 ( 2), 582-588.
- Kotrlik, J.W. & Williams, H.A. 2003. The Incorporation of Effect Size in Information Technology, Learning, and Performance Research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 21 (1), 1-7.
- Leung, K., Lau, S. & Lam,W.L. 1998. Parenting styles and academic achievement cross-cultural study. *Merrill-Palmer Quarterly*, 44 (2), 157-172.
- Levpuscek, M.P. & Zupancic, M. 2009. Math Achievement in Early Adolescence: The Role of Parental Involvement, Teachers' Behavior, and Students' Motivational Beliefs about Math. *The Journal of Early Adolescence*, 29(4), 541-570.
- Maglio, C. 2006. *Parenting Style and Family Structure on Academic Achievement Effect of In Adolescents that Live in a Rural Setting*. Akses atas talian, 27 Oktober 2011 di ProQuest Digital Dissertations.

- Majlis Peperiksaan Malaysia. 2011. Akses atas talian pada 30 Oktober 2011, <http://www.mpm.edu.my/>
- Miller, N. B., Cowan, P. A., Cowan, C. P. & Hetherington, E. M. 1993. Externalizing in preschoolers and early adolescents: A cross-study replication of a family model. *Developmental Psychology*, 29(1), 3-18.
- Mohd Sharani bin Ahmad & Zainal bin Madon. 2005. *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Norlizah Che Hassan. 2008. *Perkaitan cara gaya keibubapaan dengan konsep sendiri dan tingkah laku delinkuan remaja*. Tesis PhD (tidak terbit), University Malaya, Kuala Lumpur.
- Othman Bin Md. Johan & Normalina Binti Md Nazeri. 2010. *Profil Gaya Didikan Ibu Bapa Pelajar Cemerlang Berbanding Pelajar Lemah*. Johor Bharu. UTM.
- Radziszewska, B., Richardson, L., Dent, C. & Flay, B. 1996. Parenting style and adolescent depressive symptoms, smoking, and academic achievement: Ethnic, gender, and SES differences. *Journal of Behavioral Medicine*, 19(3), 289-305.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1998. *Memahami jiwa Dan Minda Remaja*. Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohner, R. P. & Pettengill, S. M. 1985. Perceived parental acceptance-rejection and parental control among Korean adolescents. *Child Development*, 56, 524-528.
- Slicker, E. K. 1996. *Parenting Style and Family Environment as They Relate to Academic Achievement and Problem Behaviors in Older Adolescents*. Akses 29 Oktober 2011 di <http://www.eric.edu.gov/ERICWebPortal/search/detailmini.jspERICExt ED397376>
- Steinberg, L., Elmen, J. D. & Mounts, N.S.1989. Authoritative Parenting, psychosocial maturity, academicsuccess among adolescents. *Child Development*, 60 (6),1424-1436. Akses atas talian, 28 Oktober 2011 di <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/9270213>
- Steinberg, L., Lamborn, S. D., Dornbusch, S. M. & Darling, N. 1992. Impact of parenting practices on adolescent achievement: authoritative parenting, school involvement, and encouragement to succeed. *Child Development*, 63(5), 1266–1281.
- Wang, A., Stevens, B., Chen, P. & Qian, M. 1999. The Impact of Family Socialization Practices on Children's Socialization in China. *Journal of Research in Childhood Education*, 14.
- Weiss, L. H. & Schwarz, J. C. 1996. The Relationship between Parenting Types and Older Adolescents' Personality, Academic Achievement, Adjustment, and Substance Use. *Child Development*, 67, 2101–2114.

Williams,W. 2008. *The Relationship Between Parenting Practices, Socioeconomic Status, and Ethnicity to the Academic Achievement of High School Students* . Akses atas talian, 29 Oktober 2011 di <http://www.allfreeessays.com/essays/Relationship-Between-Parenting-Practices-Soeconomic-Status/11502.html>

Nik Hairi Omar  
Pensyarah  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
UKM 43650 Bangi Selangor  
Emel: [hairi@ukm.my](mailto:hairi@ukm.my)